

## Merokok di premis makanan, 15 notis kesalahan dikeluarkan

Oleh Samadi Ahmad - Februari 20, 2022  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

PUTRAJAYA: Sebanyak 15 notis kesalahan dengan nilai kompaun RM3,750 dikeluarkan ke atas individu yang dikenal pasti merokok di premis makanan dalam Operasi Bersepadu di sekitar Putrajaya, di sini, malam tadi.

Operasi bermula jam 8 malam itu membabitkan Kementerian Kesihatan (KKM) bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya serta Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit KKM, Datuk Dr Norhayati Rusli berkata sebanyak 25 premis makanan di sekitar Bazaar 8, Ayer@8, Presint 8, Presint 9 dan Presint Diplomatik diperiksa sepanjang operasi terbabit.

"Hasil pemeriksaan, seramai 15 pelanggan menerima notis kesalahan mengikut Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

"Bagaimanapun, tiada kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis mengikut Peraturan 12 PPKHT 2004. Kita lihat semua premis diperiksa mempamerkan tanda larangan merokok," katanya pada sidang media selepas operasi itu.

Dr Norhayati berkata, anggota penguat kuasa juga memberikan nasihat dan mengedarkan risalah berkaitan kesalahan merokok kepada 205 orang awam.

"Pemilik premis yang gagal mempamerkan tanda larangan merokok dan individu yang didapati merokok di kawasan larangan, termasuk semua tempat makan boleh dikenakan kompaun RM250.

"KKM serius menangani masalah merokok dan akta baharu yang sedang digubal akan dibentangkan tidak lama lagi. Ia (akta baharu) turut melarang generasi lahir pada 1 Januari 2005 dan seterusnya, memiliki serta membeli sebarang produk merokok," katanya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya mematuhi peraturan ditetapkan dan sebarang aduan berkaitan merokok di tempat awam boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp di talian 010-8608949.

Pada 1 Januari 2019, kerajaan menguatkuasakan larangan merokok di kedai makan dan restoran terbuka.



Anggota penguat kuasa KKM mengeluarkan notis kompaun kepada perokok kerana didapati merokok di premis makanan dalam Ops Bersepadu di Ayer 8, Putrajaya di sini, malam tadi. - Foto NSTP/Samadi Ahmad